



Kubu kuat PAS dibawah dagu Tokmat di Pulai.

Apa yang hendak dikatakan, kali ini nasib tidak menyebelahi Tokmat di Pulai. Banyak sudah kepincangan dan taik-taik yang ditinggalkan oleh Tokmat di Pulai semenjak 35 tahun kepimpinannya. Namun sehingga kini Tokmat mahupun kepimpinan Pulai yang lain masih gagal untuk menyelesaikan masalah rakyat Pulai sendiri. Tokmat tidak juga dipersalahkan sepenuhnya tetapi bagi kepimpinan Pulai yang berhijrah ke Johor Bahru juga perlu memikul kelemahan ini. Wajarkah Tokmat sahaja dipersalahkan?

Penulis tidak mahu seboleh-bolehnya memberikan kenyataan ini tetapi terlalu banyak berita yang disampaikan oleh penduduk Pulai sendiri memaklumkan keadaan sebenar di Pulai. Bagi mereka suarajohor.com adalah satu-satu media yang boleh membawa suara hati mereka. Mungkin apa yang diperkatakan oleh penduduk Pulai memang ada kebenarannya. jadikanlah apa yang berlaku itu sebagai iktibar.

Apa yang sebenarnya dinyatakan oleh mereka memang amat mengejutkan kebanyakan pengundi Pulai. Ternyata ketika kita akan menghadapi Pilihanraya Ke-11 pada 21 Mac 2004 ini, parti-parti pembangkang seperti PAS muncul buat kali pertama di Pulai dan secara terang dan nyata. Dari maklumat yang diterima, kawasan Denai Kempas termasuk sebahagian kawasan Hospital Permai dan SEDC Tampoi merupakan kubu terkuat PAS di Johor Bahru.

Segala aktiviti PAS tidak tertumpu di Kg. Kurnia sahaja tetapi lebih aktif di kawasan-kawasan ini. Ternyata mereka telah begitu yakin mampu membawa pelbagai isu-isu yang gagal ditangani oleh Tokmat di Pulai seperti isu hakmilik Taman Dewan Jaya, Perumahan SEDC Tampoi, dan pelbagai isu sosial dan kemasyarakatan yang lain. Mengapa hanya baru ini sahaja PAS berani menonjolkan diri dan tidak sebelumnya?

Dari laporan yang diterima, pembendungan parti pembangkang di Pulai di dorong oleh politik wang. Soal ini semua orang Pulai tahu dan sememangnya orang Melayu kalah hanya dengan WANG. Beberapa individu tertentu telah dijadikan perantaraan didalam membuat kompromi dengan beberapa parti pembangkang yang ada didalam Pulai termasuk mereka yang menentang Tokmat samada dibiayai oleh Tokmat atau akan ditarik ke dalam parti UMNO dengan jawatan-jawatan tertentu.

YB. Osman Sopian - ADUN Kempas dahulunya adalah penentang Tokmat dan menjadi pemimpin Parti S46 di Cawangan Taman Tasek Johor Bahru. Beliau bukan sahaja di bawa masuk ke Pulai tetapi diberikan jawatan dan menjadi calon wakil rakyat. Haji Ali B Daud - Setiausaha UMNO Bahagian Pulai yang dijanjikan wakil calon telah ditendang keluar.

Apabila Tokmat tidak menjadi wakil rakyat dan meletakkan jawatan sebagai S/usaha BN maka mereka beranggapan bahawa Tokmat tidak ada kuasa bagi membantu mereka. Ahli-ahli PAS di Kawasan Tampoi, Dengai Kemas dan SEDC bukan sahaja akan menentang Tokmat tetapi kali ini akan menonjolkan calon-calon yang mempunyai latar-belakang mengetahui kemelahan-kelemahan Tokmat di Pulai.

Sekiranya Pulai meletakkan anak Tokmat sebagai calon, maka akan menimbulkan pelbagai masalah dalaman dan perpecahan didalam Pulai itu sendiri dimana pada keseluruhannya orang Pulai dan bosan dengan dinasti Tokmat yang hanya pandai bercakap sahaja. Ini terbukti dengan kelemahan-kelemahan yang timbul baru-baru ini.

Penulis menerima laporan ini bukan sahaja sebagai kenyataan berita tetapi juga dari beberapa kenyataan yang disampaikan oleh orang-orang tertentu didalam Pulai sendiri terutama peniaga-peniaga sekitar Pulai. Bagi bekas-penduduk kawasan Perumahan SEDC Tampai dan Kawasan Peniaga Tampai (dahulu) mereka bukan sahaja mencemuh kepimpinan Tokmat tetapi tidak mahu langsung dinasti Tokmat itu memimpin Pulai. Tidak adakah pemimpin lain yang boleh memimpin Pulai? Inilah kenyataan mereka.

Masalah penempatan peniaga-peniaga Tampoi dahulu dan perumahan Dewan Jaya masih lagi menjadi igauan pengundi-pengundi. Ternyata disini Tokmat mahupun YB. Osman Sopian - ADUN Kempas gagal menyelesaikan masalah penduduk yang telah hampir 10 tahun.

Pada kali ini, Pulai sahaja akan berdepan dengan masalah dalaman parti tetapi juga terpaksa berdepan dengan PAS secara nyata. PAS bukan sahaja akan 'all out' bagi menentang UMNO di Pulai tetapi kemunculan PAS ini akan mendapat sokongan KeADILan di Pulai.

Ternyata politik wang yang diamalkan oleh kepimpinan Pulai bagi membendung pembangkang tidak akan menyelesaikan masalah ini tetapi sebaliknya akan mengheret Pulai ke kancah yang lebih memilukan lagi. Ada lebih baik bakal calon yang akan dipilih oleh Pulai itu biarlah mereka yang mampu menyelesaikan masalah setempat dan pengundi berhak untuk memilih calon-calon mereka sendiri

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.